



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA MPSP**

## SEMPENA

PERAYAAN SUNGAI PERAI @ TAMAN  
KIMSAR SEMPENA HARI TINDAKAN  
ANTARABANGSA UNTUK SUNGAI 2018

## OLEH

YANG BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan  
Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

## TARIKH / MASA / TEMPAT

31 MAC 2018 (SABTU)  
10.30 PAGI

TAMAN KIMSAR  
PERAI

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan  
Tempatan, Pengurusan Lalulintas Dan Tebatan Banjir

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Jurutera Daerah**

Jabatan Pengairan Dan Saliran Seberang Perai Tengah

**Yang Berusaha Encik Murali Ram**

Pengarah Program Think City

**Yang Berusaha Encik Zaini Zainul**

Pengarah Zart Gallery Sdn. Bhd.

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan Think City Sdn. Bhd.**

**Para Penduduk Taman Kimsar**

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini dalam Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar Sempena Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018 yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bersama-sama dengan Think City Sdn. Bhd. dan Zart Gallery Sdn. Bhd. dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah.

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi melapangkan masa pada hari ini merasmikan Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar Sempena Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Think City Sdn. Bhd., Zart Gallery Sdn. Bhd. dan Jabatan Pengairan dan Saliran beserta kakitangannya yang telah bersama-sama berusaha dan berjaya menganjurkan majlis pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada semua yang hadir ke majlis pada pagi ini.

**YB Tuan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar yang diadakan pada pagi ini adalah bersempena Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018 (*International Day of Action for Rivers 2018*) yang diadakan pada 14 Mac setiap tahun. Matlamat Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018 adalah untuk meraikan nilai-nilai sungai yang sihat, dan mendidik serta menyebarkan kesedaran kepada orang ramai mengenai pemuliharaan tadahan air atau lembangan sungai dan kepentingan pengurusan sungai dan saluran air yang adil dan mampan.

Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar adalah satu program yang baru yang pertama kali di bawah program Butterworth Baharu bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan sungai dan meraikan sungai-sungai di Seberang Perai, terutamanya Sungai Perai ini.

**YB Tuan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Sungai Perai atau Sungai Prai adalah sungai terpanjang di Pulau Pinang dengan jarak melebihi 20 kilometer dan kawasan

tadahan air terbesar di Pulau Pinang yang meliputi kawasan seluas 505 km<sup>2</sup>. Air sungai ini mengalir ke barat iaitu ke Selat Selatan (*South Channel*) di *Penang Strait* bermula dari Daerah Kulim di Kedah. Sungai ini juga merupakan sempadan daerah semulajadi yang memisahkan Seberang Prai Utara dan Seberang Prai Tengah.

Pada masa lalu, Sungai Perai digunakan terutamanya sebagai alat pengangkutan barangan dan orang. Walau bagaimanapun, apabila urbanisasi dan pemodenan berlaku, jambatan dan rangkaian jalanan mengetepikan kepentingan sungai. Selama bertahun-tahun sejak itu, Sungai Perai tetap diabaikan, dengan sedikit pemikiran yang diberikan kepada potensinya. Airnya juga tercemar akibat aliran air buangan ke dalam sungai dari taman-taman perumahan dan kawasan perindustrian di sepanjang Sungai Perai.

Kawasan tebing di sepanjang Sungai Perai merupakan habitat hutan paya bakau di mana ianya merangkumi kawasan seluas 3,538.7 hektar. Terdapat 41 spesis pokok yang dikenalpasti tumbuh di kawasan Sungai Perai. Antaranya pokok bakau minyak, piai paya, selasih dendi, ketapang, paku rawan, tapak kuda, merbau, butang baju, ambong-ambong dan banyak lagi.

Fungsi dan peranan utama hutan paya bakau adalah:-

- i. Menstabilkan muara sungai dan pesisir pantai. Pokok bakau yang berakar berceracak dan tumbuh dengan padat mengurangkan pengaliran sedimen (bahan enapan) dari kawasan muara dan pantai.
- ii. Berfungsi sebagai zon penampungan semulajadi untuk mengurangkan dan mencegah hakisan pantai oleh ombak, angin dan arus.
- iii. Penapis bahan pencemar. Hutan paya bakau berupaya menyerap bahan pencemar seperti sebatian nitrogen dan sebatian fosforus. Selain itu, paya bakau juga berupaya menapis sampah sarap dan sisa pepejal yang terapung daripada terlepas ke laut.
- iv. Menjadi habitat pelbagai jenis hidupan air dan daratan termasuk ikan, ketam, memerang, tupai, burung, rama-rama, kerang, siput babi, biawak, katak, monyet, buaya, ular dan udang galah. Terdapat 37 spesis burung di kawasan Sungai Perai seperti *Japanese sparrowhawk*,

*collared kingfisher, plaintive cuckoo, chestnut headed bee-eater* dan banyak lagi. Hutan bakau juga adalah tempat perlindungan dan pembiakan pelbagai jenis udang, ketam, kepah, tiram dan ikan.

- v. Mengekalkan keseimbangan oksigen dengan karbon dioksida setempat. Tumbuhan bakau yang menghidupkan menyerap karbon dioksida dan membebaskan oksigen menerusi proses fotosintesisnya. Hutan paya bakau yang sihat mampu menyerap purata 17 metrik tan karbon/hektar/tahun. Perkhidmatan pelengkap ini akan membantu matlamat MPSP dalam menjadikan Seberang Perai menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang Tahun 2022.
- vi. Kepada manusia, ekosistem bakau juga memainkan peranan yang penting. Antaranya ialah:-
- sumber kayu arang dan kayu api, tannin dan madu.
  - bahan binaan seperti cerucuk dan pancang kayu dalam pembinaan benteng dan jambatan.
  - merupakan sumber perubatan.

- Sumber makanan yang menghasilkan pendapatan tambahan kepada nelayan pantai.
- Ekosistem hutan bakau diubah menjadi kolam ternakan akuakultur.

**YB Tuan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Baru-baru ini pada 22 Mac 2018 (Khamis), kita telah menyambut Hari Air Sedunia 2018 (*World Water Day 2018*). Sambutan Hari Air Sedunia ini dengan tema "*Nature for Water*" adalah sejajar dengan aspirasi Seberang Perai untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Sambutan ini adalah bertujuan bagi menggalakkan warga Seberang Perai untuk memahami kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menghayati keperluan penjimatan dan pemeliharaan sumber air. MPSP mengambil kesempatan ini menyeru warga Seberang Perai supaya memelihara sungai-sungai serta sistem saliran di Seberang Perai dari sebarang bentuk pencerobohan dan pencemaran. Sayangi dan hargailah sumber air yang kita ada kerana sumber ini merupakan keperluan utama bagi kita meneruskan aktiviti harian kita.



Oleh hal yang sedemikian, sebagai satu langkah ke arah mencapai Bandaraya Rendah Karbon dan bersempena Sambutan Hari Air Sedunia, MPSP melancarkan borang akujanji atas talian (*Online Pledge Form*) bagi penjimatan air. Borang akujanji ini boleh dicapai melalui Laman Web Rasmi MPSP dan Laman Facebook Rasmi MPSP. Borang akujanji ini akan dibuka untuk capaian dalam tempoh satu (1) bulan bermula 22 Mac 2018 hingga 20 April 2018. Hasil analisa dan resolusi yang diperolehi dari inisiatif ini akan dikemukakan semasa Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2018. Susulan daripada akujanji ini, MPSP akan membuat pemantauan berkala ke atas warga Seberang Perai yang menandatangani akujanji ini ke arah memastikan penjimatan air dapat dilaksanakan di Seberang Perai.

**YB Tuan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Tanggungjawab untuk memelihara dan menjaga sungai tidak hanya terletak di atas bahu Jabatan Pengairan dan Saliran sahaja atau organisasi tertentu sahaja, malah setiap individu dan masyarakat setempat perlu memainkan peranan dalam menjaga dan memelihara sungai agar bebas dari sampah dan bahan tercemar.

Antara sebab-sebab mengapa sungai perlu dipelihara dan dipulihkan adalah:-

- i. Sungai adalah sumber air yang penting bagi kampong dan bandar. Oleh itu, Sungai Perai boleh menjadi sumber air yang berpotensi untuk Pulau Pinang. Air sungai perlu dirawat terlebih dahulu sebelum dialirkan ke rumah-rumah untuk kegunaan harian. Walau bagaimanapun, jika sungai-sungai kita masih tercemar, air tidak dapat dirawat dengan sempurna dan tidak sesuai untuk kegunaan manusia.
- ii. Dengan isu pembalakan berterusan di Ulu Muda dan pencemaran Sungai Muda yang seterusnya, masa depan keselamatan air Pulau Pinang amat berisiko.
- iii. Sungai memberi habitat kepada pelbagai spesis haiwan dan tumbuhan. Setiap spesis memainkan peranan penting dalam mengimbangi ekosistem. Sekiranya mana-mana sepsis dalam satu-satu ekosistem terjejas, ia akan mengakibatkan keruntuhan ekosistem yang akan

menjejaskan persekitaran semula jadi dan kita, kerana kita adalah sebahagian daripada persekitaran.

Sekiranya sungai adalah bersih, masyarakat dapat memberi manfaat baik dari segi sosial dan ekonomi kerana sungai yang bersih dan sihat meningkatkan kualiti hidup. Pelbagai aktiviti menarik dapat dijalankan seperti jogging dan laluan berbasikal di sepanjang sungai.

**YB Tuan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

MPSP dan Think City telah mewujudkan kerjasama dalam pembangunan Pelan Tindakan Sungai Perai di bawah Program Butterworth Baharu selaras dengan Pelan Strategik MPSP 2018-2022 untuk melaksanakan pelbagai program dan pembangunan semula Sungai Perai sebagai tarikan kepada penduduk dan pengunjung. Tarikan sedia ada di sepanjang Sungai Perai adalah aktiviti memancing ikan, Restoran Nelayan di kawasan Ujong Batu, Taman Rekreasi Ampang Jajar, taman-taman rekreasi di kawasan-kawasan perumahan di sepanjang Sungai Perai seperti di Taman Kimsar ini. Di samping itu, dari segi warisan, Kilang Gula Prai yang merupakan kilang gula terbesar di Malaysia telah dibina di kawasan strategik di kawasan kuala Sungai Perai. Kilang ini memiliki jeti tersendiri yang memudahkan pemunggahan gula kasar daripada kapal-kapal untuk

disimpan bagi penapisan. Kapasiti pengeluaran gula bertapis tahunan adalah sebanyak 960,000 tan.

Di bawah *Program Rehabilitation Study of Sungai Perai*, Perunding Pinang daripada Universiti Sains Malaysia (USM) telah dilantik untuk menjalankan beberapa kajian di kawasan Sungai Perai. Hasil kajian menunjukkan Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan tarikan baru di Seberang Perai.

Perayaan Sungai Perai adalah salah satu Program Rehabilitasi Sungai Perai di bawah Keutamaan Strategik 02 (*Strategic Priorities*): Kemudahan dan Infrastruktur Yang Berkualiti dan *Sustainable Development Goals* (SDG 11) iaitu *Sustainable Cities and Communities* di mana program-program yang akan dilaksanakan adalah:-

- i. Penyediaan *Master Plan Sungai Perai*.
- ii. Pembentukan *Task Force Sungai Perai*.
- iii. Pelaksanaan *Low Hanging Fruit Project* di Bawah *Master Plan Sungai Perai*.

- iv. Penganjuran Progran *activation, education* dan *awareness* of Sungai Perai.

Di antara projek yang dicadangkan adalah projek pemulihan sungai yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti air Sungai Perai dari Kelas III ke sungai Kelas II yang akan membolehkan kita berenang dan minum dari Sungai Perai pada satu hari nanti.

Projek ini dijadikan untuk membuat bahagian-bahagian Sungai Perai lebih menarik dengan taman-taman sungai yang indah dan sungai yang meriah yang direka dengan reka bentuk bandar sensitif air.

Projek ini juga akan cuba menyambung tepi tebing sungai dengan laluan jogging dan jalur berbasikal untuk mempromosikan rekreasi luar dan aktiviti yang sihat bagi masyarakat.

Di bawah pelaksanaan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022, *Master Plan Sungai Perai* telah dibentuk yang mana komponen bagi master plan ini adalah terdiri dari:-

- i. Pelan Tindakan Pemuliharaan.
- ii. Pelan Tindakan *Activation* Untuk *Spot Area* dan *Connectivity* di Promenade Area seperti di Ujong Batu, Taman Kimsar, Taman Sembilang, Ampang Jajar dan Air Hitam Dalam .
- iii. Pelan Tindakan Untuk Program *Education & Awareness of Sungai Perai*.

**YB Tuan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Antara acara-acara menarik yang diadakan pada hari ini adalah:-

- Demonstrasi dan Bengkel 'Water Quality Testing Kit' oleh 'Water Watch Penang'.
- Bengkel Seni Eco Untuk Kanak-kanak bawah 12 tahun.
- Segmen Seni Kitar Semula Kanak-Kanak dan Dewasa.

- Program Pengenalan dan Pembersihan Sungai Perai yang membawa pengunjung menyelusuri sepanjang Sungai Perai dari Jeti Taman Kimsar ke Taman Burung.
- Pameran Eco Hidupan Liar di Sungai Perai.

Sebagaimana program yang diadakan pada hari ini, MPSP dengan kerjasama Think City dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta akan menampilkan sejumlah acara dan aktiviti setiap tahun untuk menjadikan Sungai Perai sebagai tempat yang lebih menarik untuk penggemar kesihatan dan riadah yang menyeronokkan untuk seluruh keluarga.

Aktiviti yang dilaksanakan pada hari merupakan satu langkah dalam merealisasikan impian untuk menjadikan sungai ini lebih bersih dan sesuai untuk dijadikan sebagai satu tempat perkelahan keluarga. Kita mengimpikan Sungai Perai ini satu hari nanti, boleh menjadi satu lokaliti di mana ahli keluarga boleh duduk berkelah bersama sambil menikmati keindahan air sungai ini.

**YB Tuan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan program Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar Sempena Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018 yang dianjurkan bersama-sama dengan Think City Sdn. Bhd. dan Zart Gallery Sdn. Bhd. dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah. Saya memohon Yang Berhormat untuk merasmikan Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar Sempena Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018.

Sekali lagi saya menyeru para hadirin sekalian untuk mencintai sungai dan terus memberi komitmen terhadap usaha memelihara dan menjaga sungai. Diharapkan dengan program seperti ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*” sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.



***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**